

12 APR 1997

UMNO

MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi parti itu di sini hari ini.

Antara isu yang dijangka dibincangkan ialah aduan berlakunya politik wang pada mesyuarat agung cawangan parti itu yang bermula 1 April dan dijadual berakhir 15 Mei.

Aduan itu dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Parti yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mesyuarat jawatankuasa berkenaan Khamis lepas bersetuju bahawa aduan yang diterima yang antaranya mendakwa terdapat ketua-ketua Bahagian tertentu membawa atau menawarkan perwakilan masing-masing melancong ke Medan atau Haadyai.

Tahun ini merupakan tahun pemilihan di peringkat cawangan.

MT parti itu juga dijangka membuat keputusan mengenai 78,000 bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 dari Kelantan yang ingin menjadi anggota UMNO melalui cawangan baru.

MT sebelum ini telah membuat keputusan bahawa kemasukan mereka hendaklah melalui cawangan-cawangan yang ada kecuali jika sesuatu kawasan belum ada cawangan.

Mesyuarat MT hari ini juga dijangka memutuskan mengenai penubuhan Pusat UMNO, sebuah institusi latihan rasmi parti, bagi melahirkan anggota yang berwibawa dan yang dapat menghayati perjuangan parti.-- BERNAMA

SJA MAI